

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINAL ABIDIN

TARIKH: 27 NOVEMBER 2014

SOALAN:

**Datuk Zahidi bin Zainal Abidin [ Padang Besar ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) kes-kes kesalahan kakitangan dan juga penjawat Kesatuan Sekerja yang telah dibawa ke Jabatan Perhubungan Perusahaan; dan
- (b) apakah pembelaan Kerajaan terhadap kakitangan dan juga penjawat jawatan dalam Kesatuan Sekerja seperti di KTMB apabila isu yang ditimbulkan oleh mereka adalah jelas kerana kelemahan agensi tersebut.

PR-1323-L63999

JAWAPAN:

a)Tuan Yang Di Pertua,

1. Pada dasarnya, jenis-jenis salahlaku yang melibatkan kakitangan dan penjawat kesatuan sekerja pekerja yang diambil tindakan pembuangan kerja oleh pihak majikan dan seterusnya difailkan di Jabatan Perhubungan Perusahaan, terdiri daripada pelbagai bentuk isu yang merangkumi salahlaku, pembuangan

terancang, prestasi kerja yang tidak memuaskan dan sebab-sebab lain. Dalam hal yang demikian, pihak Jabatan Perhubungan Perusahaan tidak dapat membuat sebarang kategori atau klasifikasi berhubung mana-mana jenis salahlaku sebagai bentuk salahlaku yang melibatkan ahli-ahli kesatuan sekerja sahaja.

2. Namun begitu, terdapat aduan-aduan yang telah dilaporkan terhadap penjawat Kesatuan Sekerja yang telah dikemukakan kepada Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja namun ia hanya melibatkan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh pegawai-pegawai terhadap kesatuan sekerja atau ahli-ahlinya. Kategori-kategori aduan yang diterima adalah seperti berikut:

Jadual 1: Kategori aduan kesalahan penjawat kesatuan sekerja tahun 2014

<b>KATEGORI ADUAN SEPANJANG 2014</b>	<b>JUMLAH</b>
1. Aduan Penyelewangan Wang Kesatuan	1
2. Aduan membantah pemilihan pegawai/pengundian	11
3. Aduan terhadap pentadbiran kesatuan	5
4. Aduan pelanggaran peraturan kesatuan	1
5. Penyalahgunaan kuasa oleh pegawai kesatuan	0
6. Aduan terhadap Mesyuarat Agung kesatuan	2
7. Lain-lain aduan	8
<b>JUMLAH KESELURUHAN ADUAN</b>	<b>28</b>

b) Tuan Yang Di Pertua,

3. Tuan Yang Dipertua, Seksyen 4,5 & 7 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) memperuntukkan perlindungan terhadap hak-hak pekerja, majikan dan kesatuan sekerja mereka. Sekiranya terdapat apa-apa pelanggaran Seksyen 4,5&7 Akta 177 ini, pihak terbabit boleh melaporkannya kepada Ketua Pengarah di bawah Seksyen 8, Akta 177. Aduan di bawah Seksyen 8 tersebut akan disiasat melalui sesi rundingan damai dan sekiranya tiada penyelesaian dicapai, ianya akan diputuskan oleh Y.B. Menteri Sumber Manusia sama ada untuk merujuk kes tersebut ke Mahkamah Perusahaan atau sebaliknya.

4. Selain itu, sekiranya pekerja atau pemimpin kesatuan merasakan mereka ditamatkan perkhidmatan tanpa alasan dan sebab yang munasabah, mereka boleh memfailkan representasi di bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) dalam tempoh 60 hari daripada tarikh penamatan mereka untuk dipulihkan ke jawatan asal.

5. Walaubagaimanapun, sesebuah kesatuan sekerja hendaklah memastikan bahawa mereka tidak menyentuh 'keistimewaan majikan' (management prerogative) di bawah Seksyen 13 Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27 NOVEMBER 2014  
[ KHAMIS ]

DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR  
BIN MUSA  
[ KETEREH ]

**SOALAN :-**

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA [ KETEREH ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan jenis dan jumlah bantuan yang diberikan kepada penguasa-penguasa tempatan di negeri Kelantan dan apakah cadangan bantuan untuk Majlis Daerah Keteroh tahun 2015.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap tahun Kerajaan Persekutuan ada memberikan bantuan kewangan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan adalah dalam bentuk Geran Tahunan, Sumbangan Membantu Kadar dan Peruntukan Pembangunan bagi melaksanakan projek-projek kecil di PBT (dikenali sebagai peruntukan BP1). Di samping itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga ada menyalurkan peruntukan untuk PBT bagi melaksanakan program-program kesihatan persekitaran yang merangkumi aktiviti-aktiviti seperti kawalan vektor, tikus, haiwan terbiar, keselamatan makanan, kebersihan tandas serta pusat penyembelihan dan pasar,

Bagi PBT-PBT di negeri Kelantan, sebanyak **RM47.4** juta telah diagih secara keseluruhan pada tahun ini bagi melaksanakan program-program berikut:-

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)
Geran Tahunan	21,930,518.00
Sumbangan Membantu Kadar	8,897,791.82
Peruntukan projek kecil (BP1)	14,557,025.00
Bantuan Bil Elektrik	1,786,025.00
Kesihatan Persekitaran	266,802.00
<b>JUMLAH</b>	<b>47,438,161.82</b>

Sumbangan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Majlis Daerah Ketereh melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM5.77 juta, seperti berikut :-

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)
Geran Tahunan	3,023,369.00
Sumbangan Membantu Kadar	638,474.00
Peruntukan projek kecil (BP1) – 44 projek	1,886,000.00
Bantuan Bil Elektrik	197,070.00
Kesihatan Persekitaran	25,125.00
<b>JUMLAH</b>	<b>5,770,038.00</b>

Bagi tahun 2015 pula, dianggarkan bantuan yang akan diberikan kepada Majlis Daerah Kereh adalah sama seperti yang disalurkan pada tahun ini. Walau bagaimanapun ianya juga tertakluk kepada keperluan dan perancangan oleh PBT berkenaan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Dato' Abdul Manan bin Ismail  
[PAYA BESAR]**

**TARIKH : 27.11.2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang mengambil lebih ramai golongan profesional sebagai kakitangannya bagi memperkasakan usaha membanteras jenayah rasuah

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Rasuah merupakan jenayah yang 'unik' sifatnya. Penjenayah-penjenayah rasuah masa kini semakin licik dan berpengetahuan tinggi dalam mengatasi kelemahan undang-undang yang sedia ada. *Complexity* kes yang disiasat, ditambah pula dengan era dunia tanpa



sempadan dan perkembangan pesat teknologi maklumat, menyebabkan tugas membanteras rasuah semakin mencabar. Semua ini memerlukan ilmu pengetahuan dan kemahiran penyiasatan dan tindakan pencegahan yang tinggi, sumber-sumber yang kukuh serta teknologi terkini.

Sehubungan itu, SPRM telah melaksanakan transformasi secara komprehensif bagi memperkukuhkan strategi operasi, pencegahan dan modal insan. Ini termasuklah pengambilan pakar-pakar luar yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi dalam bidang profesional masing-masing yang meliputi Bahagian Operasi Khas, Forensik Perakaunan, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, Bahagian Pendidikan Masyarakat dan Bahagian Komunikasi Strategik.

Perlantikan pakar-pakar ini juga adalah bagi menangani kekangan tenaga pakar dalaman untuk memenuhi harapan tinggi masyarakat terhadap usaha membanteras rasuah. Pemindahan pengetahuan oleh pakar-pakar luar bagi jangka masa panjang ini diyakini akan memberi manfaat kepada SPRM untuk mempunyai kepakaran dalaman yang setanding dengan pakar dalam bidang yang sama di luar.

Sekian, terima kasih